



KENYATAAN MEDIA

OPERASI KHAS SEMPENA PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA 2026 (OPS TBC 2026)

KOTA BAHRU, KELANTAN — Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) ingin memaklumkan pelaksanaan **Operasi Khas sempena Perayaan Tahun Baharu Cina 2026 (Ops TBC 2026)** yang dilaksanakan bermula **9 hingga 22 Februari 2026** dengan penglibatan semua JPJ Negeri di seluruh negara. **Tujuan utama** pelaksanaan operasi ini adalah bagi memastikan **kelancaran pergerakan pengguna jalan raya** dalam keadaan yang lebih selamat, selaras dengan tema Ops TBC 2026 “**Pandu Cermat, Sampai Selamat**”.

Fokus penguatkuasaan memberi penekanan kepada **sembilan (9) kesalahan utama** yang dikenal pasti sebagai penyumbang utama kemalangan jalan raya, iaitu:

- **Tidak mematuhi had laju;**
- **Tidak mematuhi isyarat lalu lintas termasuk melanggar lampu merah;**
- **Memotong di garisan berkembar;**
- **Memandu di lorong kecemasan;**
- **Tidak memakai tali pinggang keledar atau topi keledar;**
- **Memotong barisan;**

- **Menggunakan telefon bimbit ketika memandu;**
- **Membawa lebihan muatan; dan**
- **Membawa muatan secara berbahaya.**

PEMERIKSAAN BAS

Sehingga **16 Februari 2026**, sebanyak **4,242 buah bas** telah diperiksa melibatkan pemeriksaan **di depoh** dan **terminal** melibatkan semua jenis bas. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **779 slip pemeriksaan** telah dikeluarkan, manakala **dua (2) buah bas** telah disita atas ketidakpatuhan terhadap keperluan keselamatan dan perundangan yang ditetapkan.

JPJ turut melaksanakan **operasi penyamaran sebagai penumpang bas** yang merupakan antara strategi penguatkuasaan bagi memantau tahap pematuhan undang-undang dan aspek keselamatan secara lebih menyeluruh. Usaha ini bertujuan memastikan semua bas yang beroperasi berada dalam keadaan **selamat** dan **mematuhi piawaian teknikal** serta **syarat lesen pengendali** sepanjang tempoh peningkatan pergerakan orang ramai sempena musim perayaan.

PENGUATKUASAAN PENGGUNA MOTOSIKAL

Penguatkuasaan turut memberi penekanan kepada pengguna motosikal yang menjadi **pengguna jalan raya yang paling berisiko** terlibat dalam kemalangan. Sehingga **16 Februari 2026**, sebanyak **41,332 buah motosikal** telah diperiksa, dengan **7,414 notis P(22)** telah dikeluarkan dan **103 sitaan**.

Tumpuan diberikan kepada pematuhan **aspek keselamatan** dan **undang-undang lalu lintas** bagi meningkatkan disiplin serta kesedaran keselamatan dalam kalangan penunggang.

SARINGAN URIN PEMANDU

Sepanjang tempoh operasi, seramai **381 orang pemandu** telah menjalani ujian saringan air kencing. Daripada jumlah tersebut, **tiga (3) orang pemandu didapati gagal saringan**. Tindakan lanjut telah diambil terhadap pemandu terlibat selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN

Bagi kenderaan barangan, **Perintah Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan** berkuat kuasa pada:

- **14 dan 15 Februari 2026 (sebelum perayaan); dan**
- **21 dan 22 Februari 2026 (selepas perayaan).**

Sehingga 16 Februari 2026, sebanyak **106 tindakan penguatkuasaan** telah direkodkan di seluruh negara melibatkan **kenderaan barangan**. Daripada jumlah tersebut, **lima (5) negeri** yang merekodkan tindakan tertinggi adalah:

- **Negeri Sembilan – 35 kes**
- **Selangor – 16 kes**
- **Pulau Pinang – 15 kes**
- **Perak – 12 kes**
- **Terengganu – 9 kes**

PENDEKATAN STRATEGIK OPERASI

JPJ memberi tumpuan kepada peningkatan pematuhan di **laluan utama** dan **kawasan berisiko tinggi** (*black spot*) melalui pendekatan ***Perception of Being Caught*** (POBC) bagi meningkatkan disiplin pengguna jalan raya.

JPJ kekal komited **memperkukuh penguatkuasaan secara menyeluruh** bagi memastikan keselamatan jalan raya sentiasa terpelihara sepanjang musim perayaan, serta menyeru orang ramai **merancang perjalanan dengan baik** dan **mengutamakan keselamatan diri serta keluarga**.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

16 FEBRUARI 2026

[TAMAT]